

# Tumpu usaha capai kejayaan bertaraf dunia

Oleh YULPISMAN ASLI

KUALA LUMPUR 6 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, rakyat Malaysia perlu memberi tumpuan kepada usaha mencapai kejayaan bertaraf dunia yang dapat menambah nilai kepada masyarakat.

Menurut Perdana Menteri, pencapaian itu kelak dapat memperkaya budaya, mengukuhkan moral dan menjadi contoh teladan kepada generasi muda.

Katanya, rakyat perlu sedar bahawa walaupun beroleh pencapaian terbesar dan terhebat, tetapi ia tidak semestinya memberi makna dan manfaat ke arah matlamat Misi Nasional mencapai Wawasan 2020, melainkan mereka mempunyai minda kelas pertama.

Beliau berkata, usaha mengiktiraf individu yang melaksanakan inisiatif dan mencapai kejayaan cemerlang adalah penting buat rancangan pembangunan modal insan negara di bawah Rancangan Malaysia Kesem-

bilan (RMK-9).

"Bagaimanapun, untuk meningkatkan kapasiti ilmu bagi pembangunan masa depan negara, rakyat Malaysia perlu mula memecahkan rekod antarabangsa dan berada pada tarafterbaik dalam pelbagai bidang seperti sains, pendidikan dan perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada majlis Malam Anugerah *Malaysia Book of Records* (MBR) di sini malam ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi Norwawi. Turut hadir Presiden MBR, Datuk Danny Ooi.

Pada majlis itu, Mohd. Effendi menyampaikan anugerah kepada 29 individu yang telah mencipta kejayaan di peringkat nasional dan antarabangsa dalam pelbagai bidang antaranya penyanyi terkenal, Siti Nurhaliza.

Majlis itu turut memberi penghormatan besar kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Ghafar Baba dan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.